

BERITA HARIAN

DATE: 8 / 3 / 2008

Abdullah kongsi petua sarapan

BH - 8/3/2008

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang giat berkempen untuk pilihan raya umum hari ini, berkongsi petua sarapannya dengan pendengar stesen radio popular, Hot FM iaitu roti bakar bersalut dadih (yogurt).

"Orang makan toast (roti bakar) dengan jem, mentega, tapi Pak Lah makan dengan yogurt," kata Perdana Menteri dalam satu wawancara khas bersama stesen radio itu, yang dikendalikan juruhebah Fara Fauzana dan Faizal Ismail, semalam.

Ketika ditanya sama ada menu itu menjadi rahsianya untuk mengekalkan kecergasan, beliau berkata: "Agaknya... anda cubalah sendiri dan tengok hasilnya sama ada ia membuatkan badan lebih aktif atau tidak".

Dalam temu bual itu, Abdullah juga ditanya sama ada mempunyai masa mendengar muzik atau menonton filem dalam kesibukannya setiap hari.

"Dah jarang dah, tak macam dulu," kata Abdullah, yang jelas kedegaran ceria menjelang hari membuang undi bagi Pilihan Raya Umum 2008, hari ini.

Dalam temu bual berlangsung dalam suasana santai itu, Abdullah juga ditanya sama ada masih mengunjungi kedai makan biasa seperti yang menjual nasi kandar kerana beliau kini adalah Perdana Menteri.

"Kedai nasi kandar, memang favourite (kegemaran) tu, tetapi kedai yang jual kuetiau dan mi sup pun saya pergi juga sebab saya suka makan," katanya.

Beliau berkata, ada kalanya apabila melintas di sesuatu tempat dan terlihat kedai makan, beliau meminta pemandunya berhenti untuk makan bersama-sama orang ramai. - Bernama